

Bil. S 14

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))**

**PERINTAH PIHAK BERKUASA INDUSTRI TEKNOLOGI
INFO-KOMUNIKASI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, 2001**

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Gelaran, permulaan kuasa dan gelaran panjang.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

PENUBUHAN, PEMERBADANAN DAN PERLEMBAGAAN PIHAK BERKUASA

3. Penubuhan dan pemerbadanan Pihak Berkuasa.
4. Meterai biasa.
5. Perlembagaan Pihak Berkuasa.

BAHAGIAN III

TUGAS, KEWAJIPAN DAN KUASA PIHAK BERKUASA

6. Tugas dan Kewajipan Pihak Berkuasa.
7. Kuasa Pihak Berkuasa.
8. Lantikan jawatankuasa dan perwakilan kuasa.
9. Kuasa untuk bertindak berkenaan dengan cadangan penswastaan.

BAHAGIAN IV

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN BERKENAAN DENGAN KAKITANGAN

10. Lantikan Ketua Eksekutif dan pekerja-pekerja lain dll.
11. Perlindungan dari liabiliti diri.
12. Kakitangan awam.

BAHAGIAN V

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KEWANGAN

13. Penggunaan hasil.
14. Akaun bank dan penggunaan hasil.
15. Kuasa untuk meminjam.
16. Pelaburan.
17. Peruntukan-peruntukan kewangan lain.

BAHAGIAN VI

AM

18. Kuasa untuk menguatkuasakan.
19. Penjagaan kerahsiaan.
20. Lambang Pihak Berkuasa.
21. Laporan tahunan.
22. Aturan-aturan.
23. Pengecualian dan peruntukan-peruntukan peralihan.

JADUAL PERTAMA — PERLEMBAGAAN DAN PROSIDING PIHAK BERKUASA

JADUAL KEDUA — KUASA-KUASA PIHAK BERKUASA

JADUAL KETIGA — PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KEWANGAN

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))**

**PERINTAH PIHAK BERKUASA INDUSTRI TEKNOLOGI
INFO-KOMUNIKASI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, 2001**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraian (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam, 2001 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*.
- (2) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah untuk menubuhkan dan memperbadankan Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam".

Tafsiran.

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"ahli" bermakna ahli Pihak Berkuasa;

"Akta yang dimansuhkan" bermakna Akta Telekom (Penggal 54) yang dimansuhkan oleh Perintah Telekomunikasi, 2001;

"anak syarikat" mempunyai makna yang sama sebagaimana dalam Akta Syarikat (Penggal 39);

"debentur" termasuk stok debentur;

"hari yang ditetapkan" bermakna tarikh permulaan kuatkuasa Perintah ini;

"industri maklumat dan komunikasi" bermakna mana-mana orang yang menjalankan suatu perniagaan atau melibatkan diri dalam sebarang kegiatan komersial yang berhubung dengan teknologi maklumat dan komunikasi;

"JTB" bermakna Jabatan Telekom Kerajaan yang sedia ada sejurus sebelum permulaan kuatkuasa Perintah ini;

"Ketua Eksekutif" bermakna Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa yang dilantik di bawah bab 10 dan termasuk mana-mana Ketua Eksekutif sementara;

"Menteri" bermakna Menteri yang bertanggungjawab bagi perkara-perkara telekomunikasi;

"Pihak Berkuasa" bermakna Pihak Berkuasa Industri Teknologi Infokomunikasi Negara Brunei Darussalam (juga dikenali dengan akronim AiTi) yang ditubuhkan di bawah bab 3;

"Pengerusi" bermakna Pengerusi Pihak Berkuasa dan termasuk mana-mana Pengerusi sementara Pihak Berkuasa;

"perkhidmatan maklumat dan komunikasi" bermakna sebarang perkhidmatan yang melibatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi;

"perkhidmatan penyiaran" mempunyai makna yang sama sebagaimana dalam Akta Penyiaran (Penggal 180);

"perkhidmatan telekomunikasi" bermakna sebarang sistem telekomunikasi tetapi tidak termasuk sebarang perkhidmatan penyiaran;

"sekuriti", berkenaan dengan suatu syarikat, termasuk saham, debentur, bon dan sekuriti lain syarikat itu, sama ada atau tidak menjadi suatu gadaian ke atas aset syarikat itu;

"sistem telekomunikasi" bermakna sebarang sistem yang digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan bagi telekomunikasi;

"saham" termasuk stok;

"teknologi maklumat dan komunikasi" bermakna sebarang teknologi yang digunakan dalam mengumpul, menyimpan, menggunakan atau menghantar maklumat dan termasuk yang melibatkan penggunaan komputer atau sebarang sistem telekomunikasi;

"telekomunikasi" bermakna suatu penghantaran, pemancaran atau penerimaan sebarang jenis isyarat, semboyan, tulisan, gambaran, bunyi atau risikan melalui wayar, radio, sistem optik atau elektromagnet lain sama ada atau tidak isyarat, semboyan, tulisan, gambaran, bunyi atau risikan tersebut

tertakluk kepada penyusunan semula, pengiraan atau proses lain dengan apa-apa cara semasa penghantaran, pemancaran atau penerimaannya.

BAHAGIAN II

PENUBUHAN, PEMERBADANAN DAN PERLEMBAGAAN PIHAK BERKUASA

Penubuhan dan pemerbadanan Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam.

3. Maka dengan ini ditubuhkan suatu badan yang dikenali sebagai Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam atau dengan akronim, AiTi, yang akan menjadi suatu badan korporat yang kekal turun temurun dan, dengan nama itu, boleh —

(a) mendakwa dan didakwa;

(b) memperolehi, memiliki, memegang dan memajukan atau melupuskan harta, baik harta alih maupun harta takalih; dan

(c) melakukan dan membiarkan perbuatan atau perkara lain yang boleh dilakukan secara sah atau dibiarkan oleh badan korporat.

Meterai biasa.

4. (1) Pihak Berkuasa hendaklah mempunyai suatu meterai biasa dan meterai itu boleh, dari masa ke semasa, dipecah, diubah atau dibuat baru sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pihak Berkuasa.

(2) Semua mahkamah, hakim dan orang yang bertindak secara kehakiman hendaklah memberi pengiktirafan kehakiman terhadap meterai biasa Pihak Berkuasa yang dibubuh pada sebarang dokumen dan hendaklah menganggap bahawa meterai itu telah sempurna dibubuh.

Perlembagaan Pihak Berkuasa.

5. (1) Pihak Berkuasa hendaklah terdiri daripada —

(a) seorang Pengerusi;

(b) dan tidak kurang dari 3 dan tidak lebih dari 7 orang ahli lain sebagaimana yang mungkin dari masa ke semasa ditentukan oleh Menteri.

(2) Jadual Pertama hendaklah mempunyai kuatkuasa berhubung dengan Pihak Berkuasa, ahli-ahli dan prosidingnya.

BAHAGIAN III

TUGAS, KEWAJIPAN DAN KUASA PIHAK BERKUASA

Tugas dan kewajipan Pihak Berkuasa.

6. (1) Adalah menjadi tugas dan kewajipan Pihak Berkuasa —

(a) untuk menggalakkan kecekapan dan persaingan antarabangsa industri maklumat dan komunikasi di Negara Brunei Darussalam;

(b) untuk memastikan bahawa perkhidmatan telekomunikasi dapat diperolehi dengan munasabah oleh semua orang di Negara Brunei Darussalam, dan dibekalkan dengan seberapa cekap dan hemat yang boleh dan pada piawaian prestasi yang memenuhi dengan munasabah keperluan sosial, perindustrian dan perdagangan Negara Brunei Darussalam;

(c) untuk menggalakkan dan menyelenggara gelagat pasaran yang saksama dan cekap dan persaingan berkesan di antara orang-orang yang terlibat dalam kegiatan-kegiatan perdagangan yang berhubung dengan teknologi telekomunikasi di Negara Brunei Darussalam;

(d) untuk menggalakkan penyertaan berkesan semua sektor industri maklumat dan komunikasi Negara Brunei Darussalam dalam pasaran (sama ada di Negara Brunei Darussalam atau di tempat lain);

(e) untuk bertindak di peringkat antarabangsa sebagai wakil badan kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkaitan dengan perkara-perkara teknologi maklumat dan komunikasi;

(f) untuk menasihati Kerajaan mengenai keperluan dan dasar negara berkaitan dengan semua perkara teknologi maklumat dan komunikasi dan mengenai perkara-perkara yang bersangkutan dengan Pihak Berkuasa pada amnya;

(g) untuk meneruskan kemajuan teknologi dan penyelidikan dan pembangunan berhubung dengan teknologi maklumat dan komunikasi;

(h) untuk menjalankan tugas-tugas melesen dan mengawalselia berkaitan dengan sistem dan perkhidmatan telekomunikasi di Negara Brunei Darussalam, termasuk penetapan piawaian dan tata berhubung dengan kelengkapan yang dipasang pada sistem telekomunikasi dan radio-komunikasi, dan sebarang kelengkapan atau perisian yang digunakan sebagai tambahan kepada atau bersama dengan sistem tersebut dan pemantauan dan akses kepada kelengkapan dan perisian tersebut;

- (i) untuk menjalankan tugas-tugas melesen dan mengawalselia berkaitan dengan peruntukan dan penggunaan orbit satelit dan spektrum frekuensi radio di Negara Brunei Darussalam bagi segala maksud, termasuk penetapan piawaian dan tata berhubung dengan sebarang perkara yang berkaitan dengannya;
- (j) untuk menggalakkan, memudahkan dan mempromosikan penggunaan pengaturan-diri industri dengan sebanyak yang boleh oleh industri maklumat dan komunikasi di Negara Brunei Darussalam;
- (k) untuk menjalankan tugas-tugas melesen dan mengawalselia berkaitan dengan pemasangan, penggunaan dan pembekalan kabel bawah laut, stesen perbatasan kabel dan stesen satelit, alat penerima dan alat pemancar di Negara Brunei Darussalam dan semua kelengkapan yang digunakan berhubung dengannya;
- (l) untuk menjalankan tugas-tugas mengawalselia berkaitan dengan penetapan dan kebenaran harga, tarif, caj dan pembekalan perkhidmatan telekomunikasi dan perkhidmatan lain yang berkaitan;
- (m) untuk menggalakkan, mempromosikan, memudahkan, melabur dalam dan dengan cara lain membantu dalam penubuhan, pembangunan dan pengembangan industri maklumat dan komunikasi di Negara Brunei Darussalam, termasuk sumber tenaga manusia teknologi maklumat dan komunikasi di Negara Brunei Darussalam;
- (n) untuk mengadakan kemudahan latihan dan melakukan apa-apa jua bagi maksud meningkatkan kemahiran dan pengetahuan orang-orang bagi sebarang maksud yang berhubung dengan industri maklumat dan komunikasi di Negara Brunei Darussalam;
- (o) untuk menasihati mengenai pembangunan dan perlaksanaan sistem dan perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi bagi kementerian-kementerian, jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan;
- (p) untuk menasihati mengenai pendidikan dan latihan dalam teknologi maklumat dan komunikasi di Negara Brunei Darussalam;
- (q) untuk menetapkan dan menyelenggara, setakat mana yang dibenarkan oleh sebarang undang-undang, piawaian dan tata bagi memantau dan mengawalselia aspek-aspek privasi dan perlindungan data teknologi maklumat dan komunikasi sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pihak Berkuasa;
- (r) untuk menggalakkan penggunaan Internet dan perdagangan elektronik dan untuk menetapkan rangka kerja pengawalseliaan bagi maksud itu;

(s) untuk mengadakan perkhidmatan pakar runding dan penasihat mengenai teknologi maklumat dan komunikasi;

(t) untuk menggalakkan penerimaan dan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi di Negara Brunei Darussalam;

(u) untuk menjalankan sebarang tugas dan kewajipan lain yang diberikan kepada Pihak Berkuasa oleh atau di bawah Perintah Telekomunikasi, 2001 atau sebarang undang-undang bertulis lain.

(2) Dalam menunaikan tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan yang dikenakan kepadanya oleh ceraian (1), Pihak Berkuasa hendaklah memberi perhatian kepada —

(a) kecekapan dan ekonomi;

(b) keperluan sosial, perindustrian dan perdagangan Negara Brunei Darussalam bagi perkhidmatan maklumat dan komunikasi;

(c) keadaan dan arah aliran pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi dan evolusi piawaian dan protokol yang digunakan dalam industri maklumat dan komunikasi, baik di Negara Brunei Darussalam mahu pun di tempat lain;

(d) pertembungan antara perkhidmatan penyiaran dan perkhidmatan lain yang menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi, dan keperluan untuk menyesuaikan perubahan teknologi;

(e) merangsang pembangunan dan pengembangan perkhidmatan maklumat dan komunikasi di dunia dengan kerjasama negara-negara dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa lain;

(f) mengekalkan persaingan berkesan di antara orang-orang yang terlibat dalam pembekalan sistem dan perkhidmatan telekomunikasi;

(g) membolehkan orang-orang yang membekalkan perkhidmatan maklumat dan komunikasi di Negara Brunei Darussalam untuk bersaing dengan berkesan dalam membekalkan perkhidmatan tersebut di luar Negara Brunei Darussalam;

(h) penggalakan langkah-langkah untuk keselamatan nyawa melalui teknologi telekomunikasi;

(i) pembekalan perkhidmatan telekomunikasi pada kadar-kadar selaras dengan perkhidmatan cekap;

(j) meningkatkan penggunaan berkesan dan cekap spektrum frekuensi radio;

(k) penggalakan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi dan, khasnya, penggunaan damai teknologi tersebut; dan

(l) kerjasama dengan institusi-institusi pendidikan bagi menggalakkan pendidikan teknikal dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi.

(3) Tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh ditafsirkan sebagai —

(a) mengenakan kepada Pihak Berkuasa, secara langsung atau tidak langsung, sebarang bentuk kewajipan atau liabiliti yang boleh dikuatkuasakan dengan prosiding di hadapan mana-mana mahkamah; atau

(b) menghalang Pihak Berkuasa dari mengganggu, menggantung atau menyekat sebarang perkhidmatan telekomunikasi yang dibekalkan oleh Pihak Berkuasa; atau

(c) menghalang Pihak Berkuasa dari memastikan pembekalan sebarang perkhidmatan khas untuk mana-mana orang atau golongan orang ramai jika perkhidmatan khas itu dikehendaki.

(4) Selain dari tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan yang dikenakan oleh bab ini, Pihak Berkuasa boleh menjalankan tugas-tugas lain sebagaimana yang mungkin diberikan oleh Menteri kepada Pihak Berkuasa, dan dalam berbuat demikian Pihak Berkuasa hendaklah dianggap sebagai menunaikan maksud-maksud Perintah ini dan peruntukan-peruntukan Perintah ini hendaklah dikenakan kepada Pihak Berkuasa berkaitan dengan tugas-tugas tersebut.

Kuasa Pihak Berkuasa.

7. (1) Tertakluk kepada Perintah ini, Pihak Berkuasa boleh menjalankan kegiatan-kegiatan yang pada pendapat Pihak Berkuasa sebagai bermanfaat, perlu atau memudahkannya untuk menjalankan bagi atau berhubung dengan penunaian tugas-tugas dan kewajipan-kewajipannya di bawah Perintah ini atau sebarang undang-undang bertulis lain, dan khasnya, Pihak Berkuasa boleh menjalankan sebarang kuasa yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(2) Bab ini tidaklah boleh ditafsirkan sebagai mengehadkan sebarang kuasa Pihak Berkuasa yang diberikan oleh atau di bawah sebarang undang-undang bertulis lain.

(3) Pihak Berkuasa hendaklah memberi kepada Menteri maklumat berkenaan dengan harta dan kegiatan-kegiatannya mengikut cara dan pada masa-masa sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Menteri.

Lantikan jawatankuasa dan perwakilan kuasa.

8. (1) Pihak Berkuasa boleh melantik daripada kalangan ahli-ahlinya sendiri atau orang-orang lain yang bukan ahli beberapa jawatankuasa sebagaimana yang difikirkannya patut yang terdiri daripada ahli-ahli atau orang-orang lain atau ahli-ahli dan orang-orang lain bagi maksud-maksud yang, pada pendapat Pihak Berkuasa, akan dikawalselia dan diurus dengan lebih baik lagi melalui jawatankuasa-jawatankuasa tersebut.

(2) Pihak Berkuasa boleh, tertakluk kepada syarat-syarat atau sekatan-sekatan sebagaimana yang difikirkannya patut, mewakilkan kepada mana-mana jawatankuasa tersebut atau kepada mana-mana ahli, pegawai atau pekerja Pihak Berkuasa, sebarang tugas atau kuasa Pihak Berkuasa di bawah Perintah ini atau sebarang undang-undang bertulis lain, kecuali kuasa untuk mewakilkan yang diberikan oleh bab ini.

(3) Tiada perwakilan di bawah bab ini boleh menghalang perlaksanaan atau perjalanan sebarang tugas atau kuasa oleh Pihak Berkuasa.

Kuasa untuk bertindak berkenaan dengan cadangan penswastaan.

9. (1) Jika Menteri pada bila-bila masa bercadang supaya sebarang harta atau tugas Pihak Berkuasa patut dipindahkan kepada badan korporat lain, tugas-tugas Pihak Berkuasa hendaklah termasuk kuasa untuk melakukan apa-apa jua yang pada pendapat Pihak Berkuasa adalah bersesuaian bagi maksud —

(a) memudahkan perlaksanaan cadangan pemindahan itu, atau

(b) memudahkan perlaksanaan, atau memastikan pengubahsuaian, sebarang cadangan Menteri yang berkaitan.

(2) Cadangan yang akan disifatkan bagi maksud-maksud bab ini sebagai berkaitan dengan cadangan Menteri bagi pemindahan apa-apa jua daripada Pihak Berkuasa kepada suatu badan korporat hendaklah termasuk sebarang cadangan berkenaan dengan, atau terhadap sebarang perkara berhubung dengan —

(a) sebarang harta, hak atau liabiliti Pihak Berkuasa yang akan terjejas dengan pemindahan itu, atau sebarang harta, hak atau liabiliti tersebut selepas pemindahannya yang dicadangkan;

(b) perjalanan, sama ada sebelum atau selepas pemindahan itu, sebarang tugas yang dicadangkan untuk dipindahkan kepada ataupun sebaliknya terletakhak pada badan korporat itu;

(c) penubuhan atau pembentukan, pengapungan, kawalan, kewangan atau pegawai-pegawai atau pekerja-pekerja badan korporat itu atau mana-

mana badan korporat lain yang menjadi, atau menurut sebarang cadangan Menteri boleh menjadi, ahli kumpulan yang sama dengan badan korporat itu.

(3) Sebarang kuasa Pihak Berkuasa untuk melakukan apa-apa jua di bawah bab ini berkenaan dengan cadangan pemindahan sebarang harta atau tugas, atau berkenaan dengan sebarang cadangan yang berkaitan, hendaklah termasuk kuasa untuk melakukan perkara itu dengan tujuan untuk menggalakkan kepentingan —

(a) mana-mana badan korporat yang kepadanya harta atau tugas itu dicadangkan untuk dipindahkan; atau

(b) mana-mana badan korporat yang menjadi, atau menurut sebarang cadangan Menteri boleh menjadi ahli kumpulan yang sama dengan suatu badan korporat yang kepadanya harta atau tugas itu dicadangkan untuk dipindahkan.

(4) Kuasa-kuasa yang diberikan oleh bab ini berkenaan dengan sebarang cadangan hendaklah tanpa menjaskan sebarang kuasa yang diberikan melainkan menurut bab ini.

(5) Bagi maksud-maksud bab ini, suatu badan korporat adalah ahli kumpulan yang sama dengan badan korporat lain jika ia adalah suatu syarikat pemegangan atau anak syarikat bagi badan korporat lain itu atau jika ia adalah anak syarikat lain bagi syarikat pemegangan badan korporat lain itu; dan dalam ceraian ini, "syarikat pemegangan" mempunyai makna yang sama sebagaimana dalam Akta Syarikat (Penggal 39).

BAHAGIAN IV

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN BERKENAAN DENGAN KAKITANGAN

Lantikan Ketua Eksekutif dan pekerja-pekerja lain dll.

10. (1) Pihak Berkuasa hendaklah, dengan kebenaran Menteri, melantik seorang Ketua Eksekutif atas terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pihak Berkuasa.

(2) Ketua Eksekutif hendaklah —

(a) dikenali dengan gelaran sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pihak Berkuasa;

(b) bertanggungjawab kepada Pihak Berkuasa bagi pentadbiran dan pengurusan yang sewajarnya tugas-tugas dan urusan Pihak Berkuasa menurut dasar yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa; dan

(c) tidak dipecat dari jawatan tanpa persetujuan Menteri.

(3) Menteri hendaklah berunding dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam sebelum memberikan kebenarannya di bawah ceraian (1) atau sebelum memberikan persetujuannya di bawah perenggan (c) ceraian (2).

(4) Jika Ketua Eksekutif tidak berada buat sementara waktu di Negara Brunei Darussalam, atau tidak dapat melaksanakan buat sementara waktu kewajipan-kewajipannya kerana sakit ataupun sebaliknya, orang lain boleh dilantik oleh Pihak Berkuasa untuk bertindak bagi menggantikan Ketua Eksekutif dalam tempoh dia tidak bertugas itu.

(5) Pihak Berkuasa boleh, dari masa ke semasa, melantik dan menggaji atas terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pihak Berkuasa pekerja-pekerja, konsultan-konsultan dan ejen-ejen lain sebagaimana yang mungkin diperlukan bagi pelaksanaan tugas-tugasnya dengan berkesan.

Perlindungan dari liabiliti diri.

11. Tiada guaman atau prosiding undang-undang lain boleh dikemukakan sendiri terhadap mana-mana ahli, pegawai atau pekerja Pihak Berkuasa atau orang lain yang bertindak di bawah arahan Pihak Berkuasa kerana apa-apa jua yang dilakukan dengan suci hati atau dimaksudkan untuk dilakukan dalam melaksanakan atau dikatakan dalam melaksanakan Perintah ini.

Kakitangan awam.

12. Semua ahli, pegawai dan pekerja Pihak Berkuasa hendaklah dianggap sebagai kakitangan awam bagi maksud-maksud Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22).

BAHAGIAN V

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KEWANGAN

Penggunaan hasil.

13. (1) Hasil Pihak Berkuasa bagi mana-mana tahun kewangan hendaklah digunakan dalam membuat bayaran yang berikut —

(a) ganjaran, bayaran dan elaun ahli-ahli Pihak Berkuasa;

(b) gaji, bayaran, ganjaran, pencen, elaun persaraan dan baksis pegawai-pegawai, ejen-ejen, pekerja-pekerja, penasihat-penasihat dan bekas pekerja Pihak Berkuasa atau Pihak Berkuasa sebelumnya;

(c) perbelanjaan kerja dan penubuhan dan perbelanjaan ke atas, atau peruntukan bagi, penyelenggaraan sebarang harta Pihak Berkuasa, dan

penunaian tugas-tugas Pihak Berkuasa yang sepatutnya dikenakan bayarannya kepada akaun hasil;

(d) faedah ke atas sebarang debentur yang diterbitkan, dan ke atas sebarang pinjaman yang didapatkan, oleh Pihak Berkuasa;

(e) sejumlah wang yang dikehendaki untuk dibayar kepada Kerajaan bagi pembayaran balik sebarang pinjaman yang dibuat oleh Kerajaan kepada Pihak Berkuasa;

(f) sejumlah wang yang dikehendaki untuk dipindahkan kepada suatu dana terikat ataupun sebaliknya diketepikan bagi maksud membuat peruntukan bagi penebusan debentur atau pembayaran balik wang pinjaman lain;

(g) sejumlah wang sebagaimana yang mungkin dianggap bersetujuan untuk diketepikan berkaitan dengan susut nilai atau pembaharuan harta Pihak Berkuasa, dengan memberi perhatian kepada jumlah yang diketepikan dari hasil di bawah perenggan-perenggan (c) dan (f);

(h) kos, atau mana-mana bahagiannya, sebarang kerja baru, loji, vesel atau alat yang bukannya pembaharuan harta Pihak Berkuasa, yang boleh ditentukan oleh Pihak Berkuasa untuk dikenakan bayarannya kepada hasil;

(i) sejumlah wang melalui sumbangan, bagi maksud-maksud yang berkaitan dengan matlamat-matlamat Perintah ini sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pihak Berkuasa, kepada orang ramai atau badan-badan amal; dan

(j) sebarang perbelanjaan lain yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa dan yang sepatutnya dikenakan bayarannya kepada akaun hasil.

(2) Baki hasil Pihak Berkuasa hendaklah digunakan —

(a) bagi mewujudkan rizab am dan rizab-rizab lain sebagaimana yang mungkin difikirkan patut oleh Pihak Berkuasa;

(b) bagi membayar dividen atas saham-saham yang diterbitkan oleh Pihak Berkuasa sebagaimana yang mungkin difikirkan patut untuk diisytiharkan oleh Pihak Berkuasa, setelah berunding dengan Menteri Kewangan.

Akaun bank dan penggunaan hasil.

14. (1) Pihak Berkuasa hendaklah membuka dan menyelenggarakan suatu akaun atau akaun-akaun dengan bank atau bank-bank sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pihak Berkuasa; dan setiap akaun tersebut hendaklah dikendalikan setakat yang boleh dengan cek yang ditandatangani oleh orang atau orang-orang

sebagaimana yang mungkin dari masa ke semasa dibenarkan bagi maksud itu oleh Pihak Berkuasa.

(2) Wang-wang Pihak Berkuasa hendaklah digunakan hanya bagi membayar atau menunaikan perbelanjaan, obligasi dan liabiliti Pihak Berkuasa dan bagi membuat sebarang pembayaran yang Pihak Berkuasa dibenarkan atau dikehendaki untuk membuatnya.

Kuasa untuk meminjam.

15. Bagi menunaikan tugas-tugas atau kewajipan-kewajipannya di bawah Perintah ini atau sebarang undang-undang bertulis lain, Pihak Berkuasa boleh, dari masa ke semasa, mendapatkan pinjaman daripada Kerajaan atau, dengan kebenaran Menteri, mendapatkan pinjaman daripada bank-bank dan institusi-institusi kewangan lain (sama ada di Negara Brunei Darussalam atau di tempat lain) dengan —

(a) gadaijanji, overdraf ataupun selainnya;

(b) gadaian, sama ada di sisi undang-undang atau ekuiti, atas sebarang harta yang terletakhak pada Pihak Berkuasa atau atas sebarang hasil yang belum diterima oleh Pihak Berkuasa di bawah Perintah ini atau sebarang undang-undang bertulis lain; atau

(c) mewujudkan atau menerbitkan debentur atau bon.

Pelaburan.

16. Pihak Berkuasa boleh melaburkan mana-mana dananya yang ada untuk dilaburkan dalam saham, dana, sekuriti atau pelaburan sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Menteri.

Peruntukan-peruntukan kewangan lain.

17. Peruntukan-peruntukan kewangan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga hendaklah berkuatkuasa berkenaan dengan Pihak Berkuasa.

BAHAGIAN VI

AM

Kuasa untuk menguatkuasakan.

18. (1) Selain dari kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh sebarang undang-undang bertulis, seseorang pegawai atau pekerja Pihak Berkuasa boleh, setelah

mengisytiharkan jawatannya dan menunjukkan kepada orang yang terhadapnya dia bertindak kad pengenalan sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Ketua Eksekutif untuk dibawa oleh pegawai-pegawai atau pekerja-pekerja Pihak Berkuasa, berkenaan dengan sebarang kesalahan di bawah sebarang undang-undang bertulis tersebut —

(a) menghendaki supaya mana-mana orang yang dipercayainya dengan munasabah telah melakukan suatu kesalahan di bawah sebarang undang-undang bertulis tersebut memberi keterangan mengenai identiti orang itu;

(b) menghendaki supaya mana-mana orang, bagi maksud-maksud sebarang undang-undang bertulis tersebut, memberi sebarang maklumat atau mengemukakan mana-mana buku, dokumen atau salinannya yang ada dalam milikan orang itu, dan boleh, tanpa bayaran atau upah, memeriksa, menyalin atau membuat cabutan dari buku atau dokumen tersebut; dan

(c) apabila menjalankan sebarang penyiasatan di bawah undang-undang bertulis tersebut kuasa untuk menghendaki, dengan perintah secara bertulis, kehadiran di hadapan pegawai atau pekerja tersebut mana-mana orang yang berada di dalam kawasan Negara Brunei Darussalam yang dari maklumat yang diberikan ataupun sebaliknya ternyata mengetahui hal keadaan kes itu, dan orang yang diperintahkan untuk hadir itu hendaklah hadir sebagaimana yang dikehendaki.

(2) Seseorang yang —

(a) enggan memberikan akses kepada, atau menyerang, menghalang, mengadang atau melewatkhan, seseorang pegawai atau pekerja Pihak Berkuasa dalam menunaikan kewajipan-kewajipannya;

(b) dengan sengaja tersilap nyatakan atau tanpa alasan yang sah enggan memberi sebarang maklumat atau tanpa alasan yang sah enggan mengemukakan mana-mana buku, dokumen atau salinannya yang dikehendaki daripadanya oleh seseorang pegawai atau pekerja Pihak Berkuasa di bawah ceraian (1); atau

(c) gagal mematuhi permintaan yang sah seseorang pegawai atau pekerja Pihak Berkuasa dalam menunaikan kewajipan-kewajipannya,

adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$5,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Penjagaan kerahsiaan.

19. (1) Kecuali bagi maksud melaksanakan kewajipan-kewajipannya atau menjalankan tugas-tugasnya atau apabila dikehendaki secara sah untuk berbuat

demikian oleh mana-mana mahkamah atau di bawah peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis, tiada sesiapa pun yang menjadi atau pernah menjadi seorang ahli, pegawai, pekerja atau ejen Pihak Berkuasa atau ahli suatu jawatankuasa Pihak Berkuasa boleh mendedahkan sebarang maklumat berkenaan dengan urusan Pihak Berkuasa atau mana-mana orang lain yang telah diperolehnya dalam melaksanakan kewajipan-kewajipannya atau menjalankan tugas-tugasnya.

(2) Mana-mana orang yang melanggar ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$2,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Lambang Pihak Berkuasa.

20. (1) Pihak Berkuasa hendaklah mempunyai hak eksklusif untuk menggunakan lambang atau gambaran sebagaimana yang mungkin dipilih atau direka olehnya dan selepas itu menunjukkan atau mempamerkannya berhubung dengan kegiatan-kegiatan atau urusannya.

(2) Mana-mana orang yang menggunakan suatu lambang atau gambaran yang menyerupai lambang atau gambaran Pihak Berkuasa, atau yang menyamai lambang atau gambaran Pihak Berkuasa hingga memperdayakan atau menyebabkan kekeliruan, atau mungkin memperdayakan atau menyebabkan kekeliruan, adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$2,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

Laporan tahunan.

21. Pihak Berkuasa hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh selepas penghujung setiap tahun kewangan, mengemukakan kepada Menteri suatu laporan tahunan mengenai kegiatan-kegiatan Pihak Berkuasa dalam tahun kewangan itu dan Menteri hendaklah menyebabkan supaya satu salinan setiap laporan tersebut disembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat.

Aturan-aturan.

22. (1) Pihak Berkuasa boleh, dengan kebenaran Menteri, membuat aturan-aturan bagi menjalankan maksud-maksud dan peruntukan-peruntukan Perintah ini.

(2) Tanpa menjelaskan keluasan makna ceraian (1), Pihak Berkuasa boleh, dengan kebenaran Menteri, membuat aturan-aturan bagi atau berkenaan dengan semua atau sebarang perkara yang berikut —

- (a) cara lantikan, kelakuan dan disiplin dan terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan pekerja-pekerja Pihak Berkuasa;
- (b) penubuhan dana bagi pembayaran baksis dan faedah lain kepada pekerja-pekerja Pihak Berkuasa;
- (c) bayaran yang akan dikenakan berkaitan dengan apa-apa jua yang dilakukan atau sebarang perkhidmatan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa di bawah atau menurut Perintah ini atau sebarang undang-undang bertulis lain.

Pengecualian dan peruntukan-peruntukan peralihan.

23. (1) Sebarang skim, kontrak, dokumen, lesen, kebenaran atau ketetapan yang disediakan, dibuat, diberikan atau dibenarkan oleh JTB di bawah Akta yang dimansuhkan hendaklah, setakat mana ia tidak bertentangan dengan peruntukan-peruntukan Perintah ini dan kecuali sebagaimana yang diperuntukkan sebaliknya dalam Perintah ini atau dalam sebarang undang-undang bertulis lain, terus dan dianggap telah disediakan, dibuat, diberikan atau dibenarkan oleh Pihak Berkuasa di bawah peruntukan-peruntukan yang bersamaan Perintah ini.

(2) Jika apa-apa jua telah dimulakan oleh atau bagi pihak JTB di bawah Akta yang dimansuhkan sebelum hari yang ditetapkan, perkara tersebut boleh dijalankan dan diselesaikan oleh atau dengan kebenaran Pihak Berkuasa di bawah Perintah ini.

JADUAL PERTAMA
(bab 5(2))

PERLEMBAGAAN DAN PROSIDING PIHAK BERKUASA

Lantikan Pengerusi dan ahli-ahli.

1. (1) Pihak Berkuasa hendaklah terdiri daripada —
 - (a) seorang Pengerusi;
 - (b) Ketua Eksekutif; dan
 - (c) ahli-ahli lain, tidak kurang daripada 2 atau lebih daripada 6, sebagaimana yang mungkin dari masa ke semasa ditentukan oleh Menteri.
- (2) Pengerusi dan ahli-ahli lain Pihak Berkuasa hendaklah dilantik oleh Menteri.

Tempoh jawatan ahli-ahli Pihak Berkuasa.

2. Seorang ahli Pihak Berkuasa hendaklah memegang jawatan atas syarat-syarat dan selama suatu tempoh, yang tidak melebihi dari 3 tahun, sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Menteri dan adalah layak untuk dilantik semula.

Ahli-ahli sementara.

3. Menteri boleh melantik mana-mana orang sebagai ahli sementara Pihak Berkuasa semasa mana-mana ahli tiada upaya buat sementara waktu kerana sakit ataupun selainnya, atau semasa mana-mana ahli tiada buat sementara waktu di Negara Brunei Darussalam.

Pengerusi sementara.

4. Menteri boleh melantik mana-mana ahli Pihak Berkuasa sebagai Pengerusi Sementara semasa Pengerusi tiada upaya buat sementara waktu kerana sakit atau pun selainnya, atau semasa Pengerusi tiada buat sementara waktu di Negara Brunei Darussalam.

Pembatalan lantikan.

5. Jika pada bila-bila masa pada pendapat Menteri bahawa pemecatan dari jawatan semua atau mana-mana ahli Pihak Berkuasa diperlukan bagi kepentingan perlaksanaan yang berkesan dan menjimatkan akan tugas-tugas Pihak Berkuasa di bawah Perintah ini, atau bagi kepentingan awam, Menteri boleh memecat dari jawatan semua atau seberapa ramai ahli Pihak Berkuasa sebagaimana yang dianggapnya perlu bagi kepentingan tersebut.

Perletakan jawatan.

6. Seseorang ahli Pihak Berkuasa boleh meletakkan jawatannya pada bila-bila masa dengan memberikan notis tidak kurang dari satu bulan kepada Menteri.

Pengerusi boleh mewakilkan tugas.

7. Pengerusi boleh, secara bertulis, membenarkan mana-mana ahli Pihak Berkuasa untuk menjalankan sebarang kuasa atau melaksanakan sebarang tugas yang diberikan kepada Pengerusi di bawah Perintah ini.

Pengosongan jawatan.

8. Kerusi seorang ahli Pihak Berkuasa hendaklah menjadi kosong —

(a) apabila ahli itu mati;

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

- (b) jika dia, tanpa sebab yang mencukupi (sebab yang mencukupi itu akan diputuskan oleh Pihak Berkuasa) gagal menghadiri 3 mesyuarat Pihak Berkuasa secara berturut-turut;
- (c) jika dia dalam apa-apa cara hilang kelayakannya menjadi ahli Pihak Berkuasa;
- (d) jika dia melepaskan kerusinya; atau
- (e) jika lantikannya dibatalkan.

Pengisian kekosongan.

9. Jika suatu kekosongan berlaku dalam keahlian Pihak Berkuasa, Menteri boleh, tertakluk kepada perenggan 1, melantik mana-mana orang untuk mengisi-kan kekosongan tersebut dan orang yang dilantik itu hendaklah memegang jawatan bagi tempoh selama tempoh jawatan yang sepatutnya dipegang oleh ahli yang digantikannya itu.

Hilang kelayakan dari menjadi ahli.

10. Tiada sesiapa pun layak dilantik atau masih menjadi ahli Pihak Berkuasa jika dia —
- (a) adalah seorang bankrap yang tidak dilepaskan atau telah membuat sebarang penyusunan dengan pemutang-pemutangnya;
 - (b) hilang upaya oleh kerana sakit tubuh badan atau otak; atau
 - (c) selainnya tidak dapat atau tidak layak menunaikan tugas-tugas seorang ahli.

Pendedahan kepentingan oleh ahli.

11. (1) Tertakluk kepada perenggan kecil (2), jika seorang ahli Pihak Berkuasa mempunyai suatu kepentingan wang, secara langsung atau tidak langsung, dalam sebarang kontrak, kontrak yang dicadangkan atau perkara lain yang di hadapan sebarang mesyuarat Pihak Berkuasa, dia hendaklah pada mesyuarat itu mengisyiharkan jenis kepentingannya dan tidaklah boleh mengambil bahagian dalam menimbangkan atau membincangkan, atau mengundi atas sebarang persoalan berkenaan dengan, kontrak atau perkara lain itu, dan jika Pengerusi atau orang yang mempengarusikan mesyuarat itu mengarahkan demikian, dia hendaklah menarik diri dari mesyuarat itu semasa menimbangkan atau membincangkannya.

(2) Bagi maksud-maksud perenggan kecil (1), suatu notis am yang diberikan kepada ahli-ahli Pihak Berkuasa oleh seseorang ahli yang bermaksud bahawa dia

adalah seorang pegawai atau ahli suatu perbadanan tertentu atau ahli suatu firma tertentu dan dianggap sebagai mempunyai kepentingan dalam sebarang kontrak yang mungkin, selepas tarikh notis itu, dibuat dengan perbadanan atau firma tersebut hendaklah dianggap sebagai pengakuan kepentingan yang mencukupi berkenaan dengan sebarang kontrak yang dibuat itu jika ia menyatakan jenis dan takat kepentingannya dalam perbadanan atau firma tertentu itu dan kepentingannya tidak berlainan jenis atau takatnya lebih besar dari jenis dan takat yang dinyatakan dalam notis am itu pada masa sebarang kontrak dibuat, tetapi notis itu tidaklah boleh berkuatkuasa melainkan jika sama ada ia diberikan pada suatu mesyuarat Pihak Berkuasa atau ahli tersebut mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa notis itu dikemukakan dan dibaca pada mesyuarat Pihak Berkuasa yang akan datang setelah ia diberikan.

(3) Bagi maksud-maksud perenggan ini, suatu kepentingan wang suami atau isteri, ibu atau bapa, anak lelaki atau anak angkat lelaki, atau anak perempuan atau anak angkat perempuan, seorang ahli hendaklah disifatkan sebagai suatu kepentingan wang ahli tersebut.

(4) Bagi maksud menentukan sama ada terdapat korum, seorang ahli hendaklah disifatkan sebagai hadir pada suatu mesyuarat walaupun, di bawah perenggan ini, dia tidak dapat mengundi atau telah menarik diri dari mesyuarat tersebut.

Memeterai dokumen.

12. (1) Semua suratikatan, dokumen dan suratcara lain yang menghendaki meterai Pihak Berkuasa hendaklah dimeterai dengan meterai biasa Pihak Berkuasa di hadapan mana-mana 2 orang pegawai Pihak Berkuasa yang telah diberi kuasa oleh Pihak Berkuasa untuk bertindak bagi maksud itu dan hendaklah ditandatangani oleh pegawai-pegawai itu dan penandatanganan tersebut hendaklah menjadi keterangan yang mencukupi bahawa meterai biasa Pihak Berkuasa telah dibubuh dengan sempurna dan sepatutnya dan bahawa meterai itu adalah meterai biasa yang sah Pihak Berkuasa.

(2) Pihak Berkuasa boleh dengan ketetapan ataupun selainnya melantik seorang pegawai atau pekerja Pihak Berkuasa atau mana-mana ejen lain, sama ada pada amnya atau dalam hal tertentu, untuk melaksanakan atau menandatangani bagi pihak Pihak Berkuasa sebarang perjanjian atau suratcara lain yang tidak dimeterai berkenaan dengan sebarang perkara yang termasuk di bawah kuasa-kuasa Pihak Berkuasa.

Gaji, bayaran dan elaun hendaklah kena dibayar kepada ahli-ahli Pihak Berkuasa.

13. Hendaklah dibayar kepada ahli-ahli Pihak Berkuasa, dari dana Pihak Berkuasa, gaji, bayaran dan elaun sebagaimana yang mungkin dari masa ke semasa ditentukan oleh Menteri.

Korum.

14. (1) Pihak Berkuasa hendaklah biasanya bermesyuarat untuk menyelesaikan urusan pada masa-masa dan tempat-tempat sebagaimana yang mungkin dari masa ke semasa ditetapkan oleh Pengerusi.

(2) Pada setiap mesyuarat Pihak Berkuasa, separuh dari jumlah ahli hendaklah membentuk korum.

(3) Suatu keputusan pada suatu mesyuarat Pihak Berkuasa hendaklah diterimapakai dengan majoriti kecil ahli-ahli yang hadir dan mengundi kecuali bahawa, sekiranya terdapat persamaan undi, Pengerusi mesyuarat itu hendaklah mempunyai undi pemutus.

(4) Jika tidak kurang daripada 4 orang ahli Pihak Berkuasa meminta Pengerusi dengan notis secara bertulis yang ditandatangani oleh mereka untuk memanggil suatu mesyuarat Pihak Berkuasa bagi sebarang maksud yang dinyatakan dalam notis itu, Pengerusi hendaklah, dalam masa 7 hari dari tarikh menerima notis itu, memanggil suatu mesyuarat bagi maksud itu.

Kekosongan.

15. Pihak Berkuasa boleh bertindak walaupun terdapat sebarang kekosongan dalam keahliannya.

Prosedur semasa mesyuarat.

16. Tertakluk kepada Perintah ini, Pihak Berkuasa boleh membuat aturan-aturan yang mengawalselia prosedurnya sendiri pada amnya dan, khasnya, berhubung dengan mesyuarat yang diadakan, notis yang hendak diberikan mengenai mesyuarat itu, prosiding semasa mesyuarat, penyimpanan minit, penjagaan, pengemukaan dan pemeriksaan minit tersebut, dan pembukaan, penyimpanan, penutupan dan pengauditan akaun.

Lantikan jawatankuasa dan perwakilan kuasa.

17. (1) Pihak Berkuasa boleh, atas budi bicaranya, melantik daripada kalangan ahli-ahlinya sendiri atau orang-orang lain yang bukan ahli-ahli Pihak Berkuasa beberapa jawatankuasa sebagaimana yang difikirkannya patut yang terdiri daripada ahli-ahli atau orang-orang lain atau ahli-ahli dan orang-orang lain bagi maksud-maksud yang, pada pendapat Pihak Berkuasa, akan dikawalselia dan diurus dengan lebih baik lagi melalui jawatankuasa-jawatankuasa tersebut.

(2) Pihak Berkuasa boleh, tertakluk kepada syarat-syarat atau sekatan-sekatan sebagaimana yang difikirkannya patut, mewakilkan kepada mana-mana jawatankuasa tersebut atau Pengerusi atau Ketua Eksekutif, semua atau sebarang

kuasa, tugas dan kewajipan yang terletak hak pada Pihak Berkuasa menurut Perintah ini atau sebarang undang-undang bertulis lain, dan sebarang kuasa, tugas atau kewajipan yang diwakilkan itu boleh dijalankan atau dilaksanakan oleh jawatankuasa tersebut atau Pengerusi atau Ketua Eksekutif, mengikut mana yang berkenaan, atas nama dan bagi pihak Pihak Berkuasa.

(3) Pihak Berkuasa boleh, tertakluk kepada syarat-syarat atau sekatan-sekatan sebagaimana yang difikirkannya patut, mewakilkan kepada mana-mana pegawai atau pekerjanya atau mana-mana orang lain semua atau sebarang kuasa, tugas dan kewajipannya yang terletak hak pada Pihak Berkuasa menurut Perintah ini atau sebarang undang-undang bertulis lain, dan sebarang kuasa, tugas atau kewajipan yang diwakilkan itu boleh dijalankan atau dilaksanakan oleh pegawai atau pekerja atau orang lain itu, mengikut mana yang berkenaan, atas nama dan bagi pihak Pihak Berkuasa.

(4) Pihak Berkuasa boleh terus menjalankan suatu kuasa yang diberikan kepadanya, atau melaksanakan suatu tugas atau kewajipan di bawah Perintah ini atau sebarang undang-undang bertulis lain yang dibuat di bawahnya, walaupun kuasa, tugas atau kewajipan itu diwakilkan di bawah perenggan ini.

**JADUAL KEDUA
(Penggal 7(1))**

KUASA-KUASA PIHAK BERKUASA

1. Untuk memberi lesen bagi maksud-maksud telekomunikasi menurut Perintah Telekomunikasi, 2001 dan untuk mengawasi dan menguatkuasakan supaya peruntukan-peruntukan lesen tersebut dipatuhi.
2. Untuk memberi arahan kepada mana-mana orang yang diberikan suatu lesen di bawah Perintah Telekomunikasi, 2001 atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya.
3. Untuk melevi caj dan bayaran bagi pemberian lesen, hak spektrum, pelaksanaan pendaftaran spektrum, kelulusan kelengkapan dan perkhidmatan lain yang dibekalkan oleh Pihak Berkuasa sebagaimana yang mungkin pada pendapatnya bersesuaian.
4. Untuk mengawalselia kadar, caj dan bayaran yang dilevi oleh pengendali-pengendali sistem dan perkhidmatan telekomunikasi.
5. Untuk mengeluarkan atau meluluskan piawaian prestasi dan tataamalan dan garis panduan penasihat berhubung dengan teknologi maklumat dan komunikasi, atau sebarang perkara lain yang berkaitan dengan tugas-tugas Pihak Berkuasa.
6. Untuk mengawalselia saling hubungan dan akses kepada sistem pengendali-pengendali sistem dan perkhidmatan telekomunikasi.

7. Untuk mengawalselia perkongsian pepasangan atau loji yang digunakan bagi telekomunikasi di antara pemegang-pemegang lesen telekomunikasi.
8. Untuk mengawal dan mengawalselia adanya, dan terma-terma pembekalan, perkhidmatan panduan dan panduan-pertanyaan oleh pemegang-pemegang lesen telekomunikasi.
9. Untuk mengawal dan mengawalselia perkongsian dan terma-terma pembekalan maklumat mengenai butir-butir pelanggan oleh pemegang-pemegang lesen telekomunikasi bagi maksud mengadakan panduan bersepadu.
10. Untuk mengawal dan mengawalselia pengurusan dan peruntukan pelan dan skim penomboran bagi sistem dan perkhidmatan telekomunikasi.
11. Untuk mengawal dan mengawalselia gangguan kepada telekomunikasi di Negara Brunei Darussalam melalui gelombang radio atau elektrik atau cara lain.
12. Untuk mengawal dan mengawalselia pengimportan, urusniaga dan penggunaan kelengkapan telekomunikasi.
13. Untuk mengendalikan setiap pepasangan atau loji bagi maksud-maksud telekomunikasi dan semua harta alih dan harta tak alih yang digunakan berhubung dengannya yang diperolehi atau mungkin diperolehi oleh Pihak Berkuasa di bawah Perintah ini atau Perintah Telekomunikasi, 2001.
14. Untuk menggunakan semua harta Pihak Berkuasa, harta alih dan harta tak alih, mengikut cara sebagaimana yang mungkin difikirkan mustahak oleh Pihak Berkuasa termasuk mendapatkan pinjaman dengan menggadaijanji harta tersebut.
15. Untuk membeli, membina, membina semula, memasang dan menyelenggara mana-mana pepasangan atau loji bagi maksud-maksud telekomunikasi.
16. Untuk menjual, menyewa, menyewakan ataupun sebaliknya membekalkan mana-mana pepasangan atau loji bagi maksud-maksud telekomunikasi dan memasang, membaiki, menyelenggara atau memindahkan pepasangan atau loji tersebut.
17. Untuk memajakkan atau menyewakan, dengan atau tanpa mengambil suatu premium, sebarang harta yang terletakhak pada atau diperolehi olehnya atau untuk memberikan *easement*, hak lalu lalang, lesen sementara atau hak atau keistimewaan lain di atas, di bawah, melalui atau berkaitan dengan mana-mana tanah atau bangunan yang dipunyai oleh atau terletakhak pada Pihak Berkuasa atas terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana yang mungkin difikirkan patut oleh Pihak Berkuasa.
18. Untuk bersetuju membeli atau memperolehi sebarang sekuriti, stok dan saham suatu syarikat yang diperbadankan atau badan korporat lain, untuk mendapatkan penerimaannya menjadi ahli suatu syarikat yang diperbadankan terhad

dengan jaminan dan tidak mempunyai suatu modal saham, untuk menggalakkan penubuhan suatu syarikat yang diperbadankan atau mengambil bahagian dalam promosi syarikat tersebut atau untuk memperolehi suatu perusahaan atau sebahagian dari suatu perusahaan.

19. Untuk menubuhkan atau mengambil bahagian dalam penubuhan mana-mana syarikat atau dalam sebarang usaha sama sebagai pemegang saham atau rakan kongsi atau dalam sebarang kedudukan lain, dengan mana-mana firma, badan korporat, pertubuhan atau institusi bagi maksud-maksud Perintah ini atau sebarang undang-undang bertulis lain.
20. Untuk menjalankan kerja-kerja atau kegiatan-kegiatan lain yang pada pendapat Pihak Berkuasa adalah diperlukan, bermanfaat atau mudah, dengan tujuan untuk menggunakan sebarang aset Pihak Berkuasa dengan lebih baik lagi.
21. Untuk membekalkan perkhidmatan mel elektronik.
22. Untuk membekalkan segala bentuk sistem dan perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi, sama ada interaktif ataupun selainnya, termasuk pemprosesan data.
23. Untuk melevi kadar, caj dan bayaran dan untuk memutuskan kadar atau pembahagiannya di antaranya dan pihak-pihak berkuasa telekomunikasi lain sebagaimana yang mungkin pada pendapatnya bersesuaian.
24. Untuk mengambil bahagian bersama dengan pihak-pihak berkuasa, agensi-agensi antarabangsa atau pertubuhan-pertubuhan lain bagi maksud-maksud menggalakkan sistem dan perkhidmatan telekomunikasi.
25. Untuk membuat semua kontrak bagi pembekalan barang-barang atau bahan-bahan atau bagi perlaksanaan kerja atau sebarang kontrak lain sebagaimana yang mungkin diperlukan bagi menunaikan kewajipan-kewajipan dan tugas-tugasnya di bawah Perintah ini atau sebarang undang-undang bertulis lain.
26. Untuk mengambil bahagian sendirian atau bersama dengan perbadanan lain, bagi mengeluarkan, membuat atau menjual, sama ada di Negara Brunei Darussalam atau di tempat lain, sebarang alat, perkakas atau alat tambahan yang digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan bagi maksud-maksud telekomunikasi.
27. Untuk menjalankan atau untuk mengawasi cara peperiksaan kemahiran dijalankan yang membolehkan mana-mana orang mendapat sijil-sijil kecekapan bagi maksud mengendalikan sebarang sistem dan perkhidmatan telekomunikasi atau bagi pemberian suatu lesen oleh Pihak Berkuasa.
28. Untuk menganjurkan kursus-kursus, anugerah-anugerah, diploma-diploma dan sijil-sijil kemahiran.

29. Untuk mengenakan bayaran atau komisen bagi perkhidmatan yang diberikan.
30. Untuk menggalakkan atau menjalankan sebarang bentuk publisiti.
31. Untuk membernaikan atau mengawalselia pendaftaran, pentadbiran dan pengurusan nama-nama domain di Negara Brunei Darussalam.
32. Untuk memberi pinjaman kepada pegawai-pegawai atau pekerja-pekerja Pihak Berkuasa bagi maksud-maksud yang dibenarkan secara khusus oleh Pihak Berkuasa yang mungkin meningkatkan kecekapan pegawai-pegawai dan pekerja-pekerjanya.
33. Untuk memberi atau menjamin pinjaman kepada mana-mana pegawai atau pekerja Pihak Berkuasa bagi membeli rumah, tanah atau flat atau bagi mengubah-suai rumah atau flat untuk digunakan atau diduduki oleh pegawai atau pekerja tersebut dan keluarganya (jika ada).
34. Untuk mengadakan peruntukan bagi baksis, pencen, elaun atau faedah lain untuk pekerja-pekerja atau bekas pekerja Pihak Berkuasa atau Pihak Berkuasa sebelumnya.
35. Untuk mengadakan peruntukan bagi latihan khusus mana-mana pekerja Pihak Berkuasa dan, dalam hubungan itu, untuk menawarkan dermasiswa kepada bakal-bakal pelatih ataupun selainnya membayar kos latihan tersebut dan semua perbelanjaan yang bersampingan dengannya.
36. Untuk menawarkan dermasiswa dan biasiswa untuk belajar di mana-mana sekolah atau institusi pengajian tinggi kepada orang ramai dan pegawai-pegawai atau pekerja-pekerja Pihak Berkuasa dan ahli keluarga mereka.
37. Untuk mengadakan pemberian, bantuan atau pertolongan kewangan kepada mana-mana orang bagi semua atau sebarang maksud Perintah ini atau Perintah Telekomunikasi, 2001.
38. Untuk mengendalikan perkhidmatan agensi sebagaimana yang mungkin difikirkan patut oleh Pihak Berkuasa dan untuk mengambil bekerja seberapa ramai ejen bagi melakukan apa-apa jua yang boleh dilakukan oleh Pihak Berkuasa.
39. Untuk menerima derma dan sumbangan dari sebarang sumber dan mendapatkan dana dengan segala cara yang sah.
40. Untuk melakukan apa-apa jua yang bersampingan dengan sebarang tugasnya di bawah Perintah ini atau sebarang undang-undang bertulis lain.

JADUAL KETIGA
(bab 17)

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KEWANGAN

1. Tahun kewangan Pihak Berkuasa hendaklah bermula pada 1 haribulan April setiap tahun dan berakhir pada 31 haribulan Mac tahun berikutnya, kecuali bahawa tahun kewangan pertama Pihak Berkuasa hendaklah bermula pada hari yang ditetapkan dan berakhir pada 31 haribulan Mac tahun berikutnya.
2. Pihak Berkuasa hendaklah menyimpan akaun dan rekod transaksi dan urusannya yang betul dan hendaklah melakukan semua perkara yang perlu untuk memastikan bahawa semua pembayaran dari wangnya dibuat dengan betul dan dibenarkan dengan sepatutnya dan bahawa kawalan yang mencukupi diselenggarakan ke atas aset Pihak Berkuasa, atau aset dalam jagaan Pihak Berkuasa dan ke atas perbelanjaan yang dilakukan oleh Pihak Berkuasa.
3. Akaun Pihak Berkuasa hendaklah diaudit oleh Juruaudit Agung atau oleh seorang juruaudit yang dilantik setiap tahun oleh Menteri setelah berunding dengan Juruaudit Agung.
4. Seseorang itu tidaklah layak untuk dilantik sebagai seorang juruaudit di bawah perenggan 3 melainkan jika dia adalah seorang juruaudit yang dibenarkan di bawah Akta Syarikat (Penggal 39).
5. Ganjaran juruaudit itu hendaklah dibayar dari dana Pihak Berkuasa.
6. Pihak Berkuasa hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh selepas penutup tahun kewangan, menyediakan dan mengemukakan penyata kewangan berkaitan dengan tahun tersebut kepada juruaudit itu yang akan mengaudit dan membuat laporan mengenainya.
7. Juruaudit itu hendaklah dalam laporannya menyatakan —
 - (a) sama ada penyata kewangan itu betul-betul menunjukkan transaksi kewangan dan keadaan urusan Pihak Berkuasa;
 - (b) sama ada perakaunan yang betul dan rekod lain telah disimpan termasuk rekod semua aset Pihak Berkuasa sama ada dibeli, didermakan ataupun selainnya;
 - (c) sama ada resit, perbelanjaan dan pelaburan wang dan pemerolehan dan pelupusan aset oleh Pihak Berkuasa dalam tahun itu adalah menurut Perintah ini; dan
 - (d) perkara-perkara lain yang berbangkit dari pengauditan yang dianggapnya patut dilaporkan.

8. Juruaudit itu hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh setelah akaun dikemukakan untuk diaudit, menghantar suatu laporan mengenai pengauditannya kepada Pihak Berkuasa, dan hendaklah juga mengemukakan laporan berkala dan khas kepada Pihak Berkuasa sebagaimana yang pada pendapatnya diperlukan atau sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Menteri atau Pihak Berkuasa.
9. Juruaudit itu atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya adalah berhak pada bila-bila masa yang munasabah untuk melihat sepenuhnya dan dengan bebasnya semua rekod perakaunan dan rekod lain berhubung dengan, secara langsung atau tidak langsung, transaksi kewangan Pihak Berkuasa.
10. Juruaudit itu atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya boleh membuat salinan-salinan, atau mengambil cabutan-cabutan dari, sebarang rekod perakaunan dan rekod lain.
11. Juruaudit itu atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya boleh menghendaki supaya mana-mana orang memberikan kepadanya maklumat yang ada dalam milikan orang itu atau yang orang itu berhak untuk melihatnya sebagaimana yang dianggap perlu oleh juruaudit itu atau mana-mana orang yang telah diberi kuasa bagi maksud menjalankan tugas-tugasnya di bawah Perintah ini.
12. Mana-mana orang yang gagal, tanpa sebarang sebab yang munasabah, mematuhi sebarang kehendak juruaudit itu di bawah perenggan 11 atau yang sebaliknya mengadang, menghalang, atau melewatkkan juruaudit itu dalam melaksanakan tugas-tugasnya di bawah Perintah ini adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$1,000 dan, dalam hal suatu kesalahan berterusan, dikenakan suatu denda tambahan yang tidak melebihi dari \$100 bagi setiap hari atau sebahagianya selama mana kesalahan itu berterusan setelah disabitkan kesalahan.
13. Sebaik sahaja akaun Pihak Berkuasa dan penyata kewangan telah diaudit menurut Perintah ini, satti salinan penyata kewangan yang telah diaudit yang ditandatangani oleh Pengerusi, berserta dengan satu salinan sebarang laporan yang dibuat oleh juruaudit itu, hendaklah dikemukakan kepada Menteri.
14. Jika Juruaudit Agung tidak dilantik sebagai juruaudit, satu salinan penyata kewangan yang telah diaudit dan sebarang laporan yang dibuat oleh juruaudit itu hendaklah dihantar kepada Juruaudit Agung pada masa yang sama dengan pengemukaannya kepada Pihak Berkuasa.
15. Menteri hendaklah dengan seberapa segera yang boleh menyebabkan supaya satu salinan penyata kewangan yang telah diaudit dan laporan juruaudit disembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat.

9hb. APRIL, 2002

Diperbuat pada hari ini 16 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1422 bersamaan dengan 10 haribulan Mei, 2001 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM